

Syor mansuh ejen urus pekerja asing

B.H. M/S 3

Suhakam cadang Jabatan Tenaga Kerja ambil alih

19.10.07

Oleh Shamshul Azree Samshir

SEPANG: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) mengesyorkan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengambil alih urusan kemasukan pekerja asing ke Malaysia dan penggunaan ejen atau 'orang tengah' dimansuhkan bagi mengelak pelbagai masalah.

Pesuruhjaya Suhakam, Datuk N Siva Subramaniam, berkata JTK mampu mengendalikan urusan kemasukan pekerja asing dengan lebih sistematik melalui pangkalan data serta rekod pemadanan keperluan guna tenaga dalam pelbagai sektor.

"Pada pandangan Suhakam, elok kalau sesebuah kilang yang memerlukan tenaga pekerja asing prosesnya dikendalikan JTK di bawah Kementerian Sumber Manusia."

"Ini bermakna, jika saya seorang pemilik kilang yang memerlukan 100

pekerja asing, saya akan ke JTK untuk memaklumkan hasrat saya sebelum saya diberi kelulusan, tanpa amalan sekarang melalui khidmat ejen," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Pekerja Asing Jabatan Imigresen di tempat letak

“Elok kalau sesebuah kilang yang memerlukan tenaga pekerja asing prosesnya dikendalikan JTK di bawah Kementerian Sumber Manusia”

N Siva Subramaniam
Pesuruhjaya Suhakam

kereta Blok A, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Ini kali ketiga Suhakam melawat Pusat Pekerja Asing Jabatan Imigresen KLIA, di sini sepanjang bulan ini bagi meninjau proses kemasukan pekerja asing dan pelbagai urusan lain, termasuk kedatangan majikan menuntut pekerja masing-masing di pusat berkenaan.

Siva berkata, JTK boleh bekerjasama dengan pihak kedutaan, termasuk jabatan sama di negara sumber bagi melengkapkan data keperluan guna tenaga serta melakukan pemadanan kerja mengikut sektor.

"Melalui kaedah itu, kita akan mendapat pekerja yang benar-benar bermutu," katanya.

Ditanya kedudukan Jabatan Imigresen yang selama ini mengendalikan proses kemasukan pekerja asing, beliau berkata disebabkan ba-



DAVID KHOO | BERITA HARIAN

TURUT SIMPATI: Siva (tiga dari kiri) ketika meninjau pekerja asing di KLIA, Sepang, semalam.

nyak pihak terbabit dalam proses memasukkan pekerja asing, ia menyebabkan keadaan menjadi kucar-kacir.

Siva berkata, Jabatan Imigresen boleh mengeluarkan permit kerja terhadap pekerja asing manakala mekanisme lain diuruskan JTK bagi mengelak timbul pelbagai masalah seperti pekerja asing ditipu ejen.

Sementara itu, Suhakam mahu pi-

hak berkuasa menekankan aspek pematuhan syarat kelulusan visa se-jurus tiba (VOA) bagi mengelak rakyat asing menyalahgunakan kemudahan itu untuk menetap lebih masa atau bekerja secara haram di Malaysia.

Siva, berkata Suhakam mengesan wujudnya masalah pelanggaran syarat VOA apabila menemui sendiri rakyat asing dalam pemantauan

yang dibuat badan berkenaan.

"Ada sesetengah (rakyat asing) yang ditemui di tempat tahanan menyatakan mereka masuk ke Malaysia untuk melancong.

"Tapi bila tanya berapa wang yang dibawa, mereka jawab RM150. Bagaimana menjadi pelancong dengan membawa hanya RM150 dan ini menunjukkan mereka bukan pelancong tulen," katanya.